

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEGAWAI POLIS RENDAH DAN KONSTABEL ORANG ASLI**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli Gred Y1, Y2, Y4, Y6, Y8, Y10

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Polis Diraja Malaysia

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas kepolisan selaras dengan fungsi PDRM. Antara tugas-tugas tersebut ialah melaksanakan penguatkuasaan undang-undang; melindungi dan memelihara keamanan, ketenteraman awam serta keselamatan negara; melaksanakan tangkapan; menjalankan risikan keselamatan; tadbir urus sumber manusia PDRM; dan lain-lain.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1 Penguatkuasaan Undang-Undang**

- a. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

**4.2 Mengekalkan Keamanan, Ketenteraman Awam dan Keselamatan**

- a. Menjalankan rondaan keselamatan.
- b. Menjalankan tugas di pos kawalan statik polis di pedalaman dan sempadan.
- c. Mencegah aktiviti penyeludupan dan pencerobohan asing.
- d. Membantu menjalankan tugas Sekatan Jalan Raya (SJR).
- e. Mengawal ketenteraman awam.
- f. Melindungi dan mengawasi keselamatan rakyat dan negara.
- g. Bertindak balas terhadap kecemasan untuk memberikan bantuan.

**4.3 Penyiasatan Dan Pendakwaan**

- a. Memberi keterangan pada prosiding perundangan.

#### **4.4 Mengumpul Risikan Keselamatan**

- a. Mengesan, mengumpul, menganalisis dan melaporkan risikan keselamatan.

#### **4.5 Mencegah Dan Mengesan Jenayah**

- a. Melaksanakan strategi pencegahan jenayah.
- b. Menjejaki dan mengesan aktiviti – aktiviti jenayah.
- c. Menangkap pesalah.
- d. Memberi khidmat nasihat dan menyebar luas perkara berkaitan pencegahan jenayah kepada masyarakat.

#### **4.6 Skop, Fungsi Dan Tugas-Tugas Lain (Seksyen 20 Dan 21 Akta Polis 1967)**

- a. Menjaga keselamatan sempadan melalui kawalan di pos-pos barisan hadapan.
- b. Menjaga keselamatan premis-premis dan petugas-petugas di pintu masuk sempadan negara.
- c. Memberi bantuan kepada inter dan intra agensi dalam melaksana dan menguatkuasa undang-undang.
- d. Menyebarluaskan maklumat keselamatan untuk kepentingan awam.
- e. Memberi perlindungan harta awam daripada hilang atau rosak.
- f. Mengiringi dan menjaga orang tahanan.
- g. Memberi perlindungan keselamatan orang kenamaan.
- h. Mencari dan menyelamat (bencana/orang hilang — MKN No. 20).
- i. Menjalankan tugas sebagai Kumpulan Bantuan Kecemasan dan Kumpulan Penjejak dalam Operasi Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan (MKN No. 18).

#### **4.6 Pengurusan Organisasi**

- a. Menghadiri latihan/ seminar/ bengkel dan seumpamanya.
- b. Melaksanakan tugas sebagai tenaga pengajar.

- c. Menjalankan aktiviti tadbir urus sumber manusia PDRM.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Rakan sekerja.
- b. Pegawai Kanan Polis dan Pegawai Awam dalam PDRM.

### **Luaran**

- a. Orang awam.
- b. Syarikat swasta.
- c. Ketua Jabatan/agensi kerajaan.
- d. Badan-badan bukan kerajaan (NGO's).
- e. Golongan profesional.
- f. Agensi penguatkuasaan luar negara.
- g. Ketua-Ketua Suku.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Mewujudkan suasana bekerja yang harmoni melibatkan individu/ unit dan melaksanakan tugas-tugas mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

### **Luaran**

- a. Menjalinkan kerjasama dengan masyarakat secara profesional, berkualiti dan berintegriti.

## **7. LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

- a. Mengikuti latihan dalam dan luar negara sebagaimana yang diarahkan/ ditetapkan oleh Ketua Polis Negara atau mana-mana Pegawai Kanan Polis yang diperturunkan kuasa kepadanya.

## **8. ANCAMAN**

- a. Terdedah kepada bahaya semasa menjalankan tugas seperti ancaman terhadap nyawa, kemalangan, ugutan dan fitnah.
- b. Terdedah kepada penyakit berbahaya, pencemaran toksik dan pencemaran udara.
- c. Terdedah kepada tekanan mental.
- d. Terdedah kepada ketidaktentuan kawalan pengurusan masa disebabkan perubahan waktu ekoran keperluan tugas.
- e. Rasuah.

#### **9. NILAI KEPERIBADIAN DAN KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN**

- a. Keberanian dan keyakinan.
- b. Kestabilan emosi.
- c. Amanah.
- d. Kompeten.
- e. Responsif dan progresif.
- f. Setia dan bertanggungjawab.
- g. Prihatin dan mesra.
- h. Kebijaksanaan.